

# Guide for Success Stories

## Panduan untuk Kisah Kejayaan

The purpose of this document is to provide a guide to the supervisors (manager or assistant manager) on the type of information required in the success stories found through Pusat Internet 1Malaysia (PI1M).

Tujuan dokumen ini adalah untuk menyediakan panduan kepada penyelia-penyelia (pengurus atau penolong pengurus) bagi jenis maklumat yang diperlukan untuk Kisah Kejayaan yang ditemui melalui Pusat Internet 1 Malaysia (PI1M).

ITEM JENIS	INFORMATION MAKLUMAT
<b>Name of PI1M Nama PI1M</b>	Pusat Internet 1Malaysia Kg Keruak
<b>Location Lokasi</b>	No.1 Jalan Balairaya Kg Keruak,22010 Jerteh Besut Terengganu
<b>Name of person(s) Nama</b>	ALIA SYAHIRAH BINTI AZAMAN
<b>Details of person (s) Butiran diri</b>	Umur: 12 tahun. Jantina: Perempuan Pendidikan: Sekolah Kebangsaan Keruak, Jerteh Terengganu
<b>Success story Kisah kejayaan</b>	<ol style="list-style-type: none"> <li>Internet sememangnya sangat dekat dihati setiap orang. Alia Syahirah juga seperti kanak-kanak yang lain. Menyedari bahawa pusat internet 1malaysia akan didirikan berdekatan dengan rumahnya, Alia mengambil kesempatan untuk ke pi1m setiap hari untuk menimba ilmu yang boleh dipelajari menerusi internet.</li> <li>Alia Syahirah antara pelajar yang terawal datang ke pi1m. Banyak manfaat yang Alia dapat terutamanya dalam mencari bahan bacaan dan sumber rujukan untuk membuat tugas sekolah yang diamanahkan oleh guru. Sementelah lagi dia bakal menduduki UPSR pada tahun ini. Misalnya, Syafiqah menggunakan enjin carian Google untuk mencari contoh karangan pendek, sajak, dan rencana sebagai panduan untuk beliau menghasilkan karangan yang baik.</li> <li>Dengan segala formula dan kaedah pembelajaran dalam internet. Alia cepat belajar. Alia mendapatkan bahan-bahan ini untuk bersedia semasa proses pembelajaran dalam kelas. Dengan bantuan petugas pi1m Alia tekun menggunakan Microsoft Office Word untuk mengarang semula contoh karangan yang terdapat dalam internet. Secara tidak langsung, latihan ini dapat menambah kemahiran beliau dalam penggunaan internet dan menaip sekaligus.</li> <li>Kini, Alia sudah berada di tahap mahir dalam latihan menaip. Beliau jugayakin akan berjaya memperoleh keputusan cemerlang dalam semua subjek UPSR nanti.</li> </ol>

ITEM JENIS	INFORMATION MAKLUMAT
<b>Keterangan gambar</b> <b>Photo caption</b>	 <p>Alia Syahirah (tudung hitam) selalu datang ke pi1m setiap kali pulang daripada asrama desa Sekolah Kebangsaan Keruak. Alia akan ditemani oleh adiknya iaitu Aziefatu Azifah Binti Azaman.</p>
	 <p>Alia Syahirah juga sering terlibat dengan aktiviti di Pi1m Kg Keruak dan bertindak sebagai pembantu dalam banyak hal di pi1m Kg Keruak.</p>

ITEM JENIS	INFORMATION MAKLUMAT
<b>Photo caption</b> <b>names</b> <b>Keterangan</b> <b>gambar berserta</b> <b>nama</b>	 <p>Alia Syahirah (Tudung Hitam) sentiasa datang ke Bilik Latihan PI1M Kg Keruak untuk menajamkan latihan menaip pantas</p>
	 <p>Kini Alia sudah mahir dengan menaip pantas dan boleh mengajar kepada rakan-rakan yang lain.</p>

ITEM JENIS	INFORMATION MAKLUMAT
Feedback Maklumbalas	<p>1. Saya berpendapat PI1M merupakan satu tempat yang sesuai untuk saya belajar kerana persekitaran yang bersih, selesa serta moden. Ini membolehkan saya boleh membuat kerja sekolah menggunakan internet. Sekiranya saya pulang daripada asrama saya akan datang ke pi1m untuk belajar menaip.</p> <p>2. Saya juga senang datang ke pi1m kerana jarak yang dekat dengan rumah. Selain itu di pi1m banyak aktiviti yang dijalankan terutamanya pada cuti sekolah</p> <p>3. Saya bersyukur kerana tiada caj yang mahal dikenakan oleh pi1m. Oleh itu saya dapat menggunakan internet secara maksimum. Sekiranya ke Pekan Jerteh yang jaraknya 35 KM saya akan dikenakan caj yang tinggi untuk sejam perkhidmatan internet. Contohnya, saya memanfaatkan PI1M untuk belajar menaip daripada peringkat asas sehingga saya berada di tahap mahir sekarang.</p> <p>4. Saya ingin mencadangkan kepada pihak PI1M untuk mengadakan Pertandingan Menaip untuk menggalakkan pelajar supaya mahir menaip. Pertandingan ini boleh menarik minat pelajar untuk belajar menaip secara pantas dan tepat. Selain itu saya mencadangkan agar ahli pi1m dibawa melawat ke pi1m –pi1m yang lain untuk belajar.</p>

**PLEASE SUBMIT FULL WRITTEN SUCCESS STORY (MINIMUM 1 PAGE) & PHOTOS BASED ON THIS GUIDE TO THE CONTENT APPLICATION DEVELOPMENT DEPARTMENT**

**SILA KEMUKAKAN KISAH KEJAYAAN SECARA BERTULIS (MINIMUM 1 MUKA SURAT) & GAMBAR-GAMBAR BERDASARKAN PANDUAN YANG DIBERIKAN DAN DIHANTAR KE JABATAN PEMBANGUNAN APLIKASI KANDUNGAN**